

Kampus

Unimas, Bank Rakyat edar bubur lambuk

Ramadan medium eratkan silaturahim



DR. MOHAMMAD KADIM SUALDI (tengah) dan **Faishal Salleh** (kanan) mengedarkan bubur lambuk kepada salah seorang pemandu yang melalui pintu utama Unimas.

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



SEBUT sahaja bubur lambuk, pasti ramai mengaitkannya dengan kedatangan bulan Ramadan.

Masakan tidak, bubur lambuk amat sinonim dengan bulan Ramadan dan sepanjang bulan penuh keberkatan ini, ramai pihak akan menganjurkan majlis memasak dan pengagihan bubur lambuk kepada orang ramai.

Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) tidak terkecuali berbuat demikian dengan mengagihkan 1,000 bungkus bubur lambuk Sempena Program Salam Ramadan di hadapan pintu utama Unimas secara pandu laluan baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, program anjuran Persatuan Pengurus Unimas (PPU) dengan kerjasama Bank Rakyat cawangan Kota Samarahan itu melibatkan acara memasak sebanyak lima petuk besar bubur lambuk secara bergotong-royong sejak pukul 8 pagi. Katanya, program pengagihan bubur



FAISHAL SALLEH (lima dari kanan) menyampaikan bubur lambuk kepada **Dr. Mohamad Kadim Suaidi** (dua dari kiri) dalam Program Salam Ramadan di pintu utama Unimas di Kota Samarahan baru-baru ini.

lambuk itu antara objektifnya ialah sebagai medium untuk mengertakan silaturahim sesama umat Islam sekali gus mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat sempena bulan Ramadan.

“Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan Unimas bagi menyemarakkan lagi sambutan sethapp kali tiba bulan Ramadan.

“Acara kali ini juga lebih istimewa apabila buat pertama kalinya orang ramai boleh menggunakan kaedah pandu laluan untuk mengambil bubur berbanding sebelum ini,” katanya.

Turut hadir, Pengurus Bank Rakyat Wilayah Sarawak, Faishal Salleh. Mohamad Kadim Suaidi berkata, selain bubur lambuk, PPU juga merancang aktiviti lain pada bulan Ramadan iaitu bersatur bersama

anak-anak yatim dan pemberian barangan keperluan dalam membantu mereka menyambur kemurahan Aidilfitri yang disumbangkan kakitangan Unimas sendiri.

“Objektif utama program ini adalah untuk melatih penyarah dan pelajar membiayakakan diri dalam aktiviti khidmat kemasyarakatan terutama kepada mereka yang lebih memerlukan seperti anak yatim dan fakir miskin,” katanya.